

UCAPAN PERASMIAN YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR, KETUA MENTERI SABAH, SEMPERA PELANCARAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-75 RTM, PADA 1 APRIL 2021 (KHAMIS), DI KOMPLEKS BERSEPADU KKMM, KOTA KINABALU.

1. Alhamdulillah, dengan izin-Nya kita dapat hadir bersama-sama untuk meraikan Sambutan Ulang Tahun ke-75 RTM. Saya berasa gembira dapat hadir hari ini untuk bersama-sama semua warga RTM dalam meraikan kejayaan dan pencapaian stesen penyiaran ini. Syabas dan tahniah kepada RTM yang kini mencapai tonggak 75 tahun iaitu merentasi usia lebih tujuh dekad.
2. Radio Televisyen Malaysia (RTM) adalah medium komunikasi strategik yang berfungsi sebagai suara kerajaan, menerusi pelbagai bentuk rancangan kepada masyarakat. Dalam tempoh 75 tahun, perintis dunia penyiaran negara ini telah berjaya melaksanakan fungsinya, malah RTM kekal relevan seiring teknologi penyiaran yang berkembang pesat. RTM telah melaporkan pelbagai peristiwa penting dan bersejarah negara serta negeri. Kemerdekaan Sabah dan pembentukan Malaysia antara peristiwa bersejarah negeri serta negara yang masih disimpan oleh RTM sebagai khazanah negara.
3. Banyak lagi perlu dilakukan. Kita semua sedar bahawa industri media penyiaran sentiasa berevolusi. Kita menyaksikan bagaimana industri media penyiaran berubah dengan begitu pantas. Dengan begitu banyak berita boleh diperolehi semua hanya di hujung jari maka fokus bukan hanya kepada kualiti dan kemandirian maklumat itu, akan tetapi bagaimana badan penyiar dapat berinteraksi secara terus dengan penontonnya melalui platform baharu atau media digital.
4. Dalam hubungan ini, stesen atau badan penyiaran perlu beradaptasi kepada perubahan dalam industri ini agar sentiasa relevan. Mengenalpasti kunci perubahan dan trend terkini dalam bidang penyiaran akan membantu untuk menentukan strategi terbaik, apa taktik yang akan menyumbang ke arah kejayaan di dalam industri ini dan kesiapsiagaan untuk maju ke hadapan.
5. Saya juga berasa gembira apabila mengetahui ketika negara berhadapan dengan pandemik COVID-19, RTM antara media utama yang menjadi rujukan rakyat untuk mendapat perkembangan rasmi dan terkini mengenai wabak itu daripada kerajaan. Radio, televisyen dan media baharu RTM, tidak putus menyiarkan program berbentuk Pesanan Khidmat Awam, Infografik, Berita dan Bual Bicara supaya rakyat faham kepentingan menjaga kesihatan dan SOP. RTM melalui program radio, TV dan media sosial juga menyiarkan penafian berita palsu termasuk diterbitkan dalam 24 bahasa antaranya bahasa Bajau, Kadazan, Dusun dan Murut supaya dapat difahami semua orang.
6. Dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, kerajaan memperkenalkan pelbagai rancangan dan inisiatif khusus untuk pembangunan. Koridor Pembangunan Sabah, Belanjawan Negeri dan yang terkini, Halatuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 2021-2025), juga dimaklumkan melalui medium RTM. Platform perbincangan susulan untuk menjelaskan lebih terperinci mengenai SMJ ini turut disediakan oleh RTM, khususnya melalui program TV dan radio, demi memastikan mesej itu sampai kepada sasaran pihak berkepentingan (*stakeholder*).

7. Justeru, inilah pentingnya peranan media terutama RTM dalam menyampaikan agenda pembangunan kerajaan ke seluruh pelusuk negeri ini, agar rakyat tahu apa yang kerajaan sedang dan akan laksanakan. Saya berharap RTM sama ada menerusi siaran radio atau televisyen terus memberi maklumat yang terkandung dalam Halatuju SMJ, kerana masih banyak kawasan di negeri ini berdepan dengan masalah liputan internet. Kita mahu semua rakyat tahu apa maklumat yang terkandung dalam Halatuju SMJ ini dan dalam hal ini, RTM memainkan peranan penting untuk membantu kerajaan menyampaikan agenda pembangunan dalam hala tuju itu kepada golongan sasaran.

8. RTM – TEMAN SETIA ANDA, slogan RTM yang diguna sejak tahun 1987 mudah diingati ramai. Sebenarnya, saya mempunyai nostalgia dengan RTM, kerana pernah bertugas sebagai juruhebah di bangunan lama iaitu Wisma Radio Sabah, pada 1976. Selain meninggalkan beribu kenangan kepada mereka yang pernah bertugas di situ, wisma itu juga ada nilai sejarah kerana pernah digunakan oleh Suruhanjaya Cobbold sebagai ibu pejabat sementara pada Februari 1962. Justeru, Kerajaan Negeri menyokong usaha Persatuan Alumni Radio Sabah (RASA) untuk membaiki pulih tapak dan bangunan lama Wisma Radio Sabah sebagai khazanah budaya negeri. **Hari ini saya juga ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri menyumbang RM2 juta untuk membaiki bangunan lama Wisma Radio Sabah.**

9. Dengan peranan RTM yang terus relevan dalam membantu menyampaikan maklumat dan agenda kerajaan kepada rakyat, adalah menjadi harapan saya agar warga penyiaran stesen ini perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran seiring dengan tuntutan teknologi baharu masa kini. Program terbaik untuk semua peringkat generasi perlu dipertingkatkan yang bersesuaian dengan perkembangan semasa. Ini bagi memastikan RTM mampu bersaing seiring kemajuan teknologi dan kepantasan media sosial masa kini.

10. Satu lagi sumbangan besar RTM iaitu kepada industri kreatif dengan memberi peluang melahirkan bakat baharu di negeri ini. Di Sabah, ramai bintang telah lahir hasil daripada program RTM seperti Talentime, Bintang Radio dan Bintang RTM, antaranya M.Y Ahmad, A.J Ajmain, D. Sofiah, John Gaisah, Flora Santos, Azharina Azhar, Esther Applunius dan Rosario Bianis. Saya berharap RTM akan terus menerbitkan program pertandingan untuk mencungkil bakat baharu. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat ulang tahun ke-60 Orkestra RTM peringkat negeri Sabah.

11. Akhir kata, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-75 RTM dan ke-60 Orkestra RTM, serta Logo Baharu RTM dan stesen radio RTM Peringkat Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.